

# 30 pelajar SK Malawa sertai bengkel kraftangan

UB 30.4.2016 B6

Oleh SADDAM EDRIS

SERAMAI 30 pelajar Sekolah Rendah (SK) Malawa menyertai bengkel kraftangan anjuran pelajar tahun satu program

Teknologi Seni Visual dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung selama sehari iaitu pada 24 April (Ahad) lepas. Bengkel yang diadakan

di dewan sekolah itu adalah salah satu kerja kursus subjek Pengantar Pengurusan Seni untuk disiapkan oleh para pelajar fakulti terbabit.

Objektif program bertujuan memupuk

kreativiti pelajar sekolah untuk sama-sama mempelajari teknik penghasilan sesuatu kraftangan tempatan.

Di samping itu, ia juga dapat memupuk kemahiran peserta menghasilkan

AJK pelaksana bersama pensyarah UMS dan peserta bengkel merakam gambar kenangan.



PUAD (lima, kanan) bersama para pensyarah UMS dan guru SK Malawa merakam gambar kenangan pada bengkel berkenaan.

barangan kraftangan yang menggunakan peralatan kraftangan batik serta teknik kraftangan visual.

Pensyarah Kanan FKSW, UMS Dr. Mohamad Puad Bebit berkata, perkembangan ini sudah pasti berupaya memartabatkan lagi kedudukan UMS sebagai salah satu institusi yang mendukung penuh perkembangan aktiviti

kesenian di Sabah.

“Aktiviti sebegini dapat membawa mesej yang jelas kepada masyarakat khususnya warga universiti, betapa karya-karya seni khasnya kraftangan juga memainkan peranan yang penting.

“Justeru, saya menyeru para pelajar FKSW akan lebih berfungsi dan relevan dengan keperluan semasa dan dapat bersaing dengan

pelajar seni yang lain di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan ketika merasmikan bengkel kraftangan, di sini kelmarin.

Tambahnya, beliau akan sentiasa memberi sokongan dan galakan agar bakal-bakal graduan seni dapat memainkan peranan dalam memartabatkan budaya Sabah melalui karya-karya seni.